

**1MDB Sedia Mulakan Kerjasama Ekonomi Malaysia-Abu Dhabi Bernilai RM18 Bilion  
Bernama  
15 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- 1MDB (1Malaysia Development Bhd) telah bersedia untuk memulakan operasi kerjasama ekonomi Malaysia-Abu Dhabinya yang menelan kos RM18 bilion, selepas berjaya mengumpul US\$3 bilion untuk pelaburan dalam projek berimpak tinggi yang strategik dan penting seperti tenaga dan hartanah.

Jentera pembangunan strategik kerajaan itu berkata menerusi syarikat usaha sama 50:50, Abu Dhabi Malaysia Investment Company (ADMIC), 1MDB dan rakan kongsi Aabar Investments PJS akan memanfaatkan sumber global masing-masing bagi menggerakkan inisiatif ini.

"Kedua-dua negara itu kini telah komited untuk memulakan operasi kerjasama strategik yang bernilai RM18 bilion ini.

"1MDB memilih penempatan persendirian bagi memastikan penyudahan yang tepat bagi inisiatif ekonomi ini," kata 1MDB dalam satu kenyataan.

Modal ialah bahagian dalaman kerjasama Kerajaan-kepada-Kerajaan antara Malaysia dan Abu Dhabi ke atas kerjasama strategik yang dimeterai pada 12 Mac, 2013.

1MDB berkata Tun Razak Exchange (TRX)nya berpotensi menjadi pelaburan pertama yang dikendalikan oleh ADMIC.

TRX dianggar menjana nilai pembangunan kasar RM26 bilion dan menarik 250 syarikat terkemuka dunia, mewujudkan 40,000 peluang pekerjaan baharu untuk pekerja berpengetahuan.

Kesan pelbagai yang dijana akan menghasilkan sehingga 500,000 pekerjaan baharu, secara langsung dan tidak langsung di seluruh Malaysia, sebaik sahaja ia siap sepenuhnya.

"1MDB juga telah mengenal pasti US\$2.318 bilion, yang merupakan perolehan yang dijana daripada usaha sama 1MDB-PetroSaudi Internationalnya, untuk pelaburan masa hadapan," kata 1MDB.

Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Mohd Hazem Abd Rahman berkata kejayaan dalam memulakan kerjasama ini menunjukkan selera pelabur dan keyakinan mereka terhadap kerjasama Malaysia-Abu Dhabi serta ke atas Malaysia sendiri sebagai pusat pertumbuhan mampan yang menikmati keamanan, kestabilan dan tadbir urus yang baik.

"Kedua-dua syarikat (1MDB dan Aabar) adalah milik kerajaan dan mendapat sokongan padu," tambah beliau.

Sementara itu, beliau juga berkata yang 1MDB sedang mempertimbangkan peluang pelaburan dalam semua sektor terasnya, termasuk peluasan global dengan menyokong inisiatif strategik yang akan membawa faedah jangka panjang kepada Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942211>

